



**KOPERASI
UTM BERHAD**

ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN AM

KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN

Tajuk	1	<ul style="list-style-type: none">i. Aturan ini adalah dinamakan “Kumpulan Wang Kebajikan” Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad (KUTMB).ii. Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 45(2)(w) dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan KUTMB.
Tafsiran	2	<p>Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya. Maka tafsiran berikut adalah dipakai:-</p> <p>“Koperasi” bermaksud Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Anggota” bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Waris” bagi anggota status berkahwin ialah suami atau isteri atau anak. bagi anggota status bujang ialah ayah atau ibu atau waris terdekat atau penama.</p> <p>“Lembaga” bermaksud Lembaga Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p>
Tujuan	3	<p>Kumpulan Wang Kebajikan ini diwujudkan adalah sebagai sumbangan untuk meringankan beban ahli KUTMB. Bantuan yang disalurkan kepada anggota tertaluk kepada budi bicara Lembaga koperasi ini.</p> <p>Kadar yang boleh dibayar oleh Lembaga kepada sesuatu permohonan ini bergantung kepada kedudukan kes dan kewangan Kumpulan Wang Kebajikan, tetapi semua pembayaran tidak boleh melebihi had maksimum yang telah ditetapkan.</p> <ul style="list-style-type: none">i. Membantu anggota yang ditimpa bencana alam sebanyak RM500.00 dalam tahun kewangan semasa.ii. Memberi sumbangan kepada anggota yang menunaikan fardhu haji buat kali pertama sebanyak RM300.00.iii. Memberi sumbangan kepada anggota yang berkahwin buat kali pertama sebanyak RM100.00.iv. Memberi sumbangan kepada anggota yang dimasukkan ke hospital melebihi daripada 3 hari sebanyak RM 100.00 dalam tahun kewangan semasa. Tuntutan maksima tiga (3) kali setahun.

		v. Memberi sumbangan atas kematian waris terdekat anggota iaitu suami atau isteri dan anak-anak sebanyak RM250.00 setiap orang.
Sumber Kewangan	4	Sumber kewangan Kumpulan Wang Kebajikan ini adalah daripada:- i. Tidak lebih 10% daripada untung bersih teraudit koperasi dan; ii. Derma dan sumbangan yang diterima khas untuk Kumpulan Wang Kebajikan ini.
Pentadbiran Tabung	5	i. Kumpulan Wang Kebajikan ini hendaklah ditadbir atau diuruskan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan yang dilantik oleh Lembaga koperasi ini di bawah Undang-Undang Kecil 45(2)(v). ii. Mereka yang diberikan kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-Undang Kecil adalah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kecil ini.
Kelayakan	6	Tahun Kewangan Kumpulan Wang Kebajikan koperasi hendaklah bermula pada 01hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.
Permohonan	7	i. Lembaga koperasi membenarkan melaburkan semua atau sebahagian daripada Kumpulan Wang Kebajikan ini di dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau didalam apa-apa bentuk sekalipun tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 63 Koperasi. ii. Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Kebajikan ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan tabung atau dilaburkan semula bagi menambah kewangan Kumpulan Wang Kebajikan ini.
Proses Permohonan	8	i. Borang permohonan beserta dokumen-dokumen yang mengesahkannya hendaklah diproses oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan ini. ii. Jawatankuasa Kecil ini hendaklah menentukan permohonan tersebut dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat dalam aturan ini sebelum diperakukan oleh Lembaga.
Pembayaran	9	Semua pembayaran hendaklah dibuat melalui cek atau pindahan wang ke dalam akaun bank pemohon. Bayaran hanya akan dibuat setelah Jawatankuasa Kumpulan Wang Kebajikan ini meluluskannya. Segala pembayaran hendaklah dibawa kepada mesyuarat Lembaga untuk disahkan dan akan dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tempoh permohonan.

- Penggantungan 10
Derma/
Sumbangan
- i. Jika kedudukan Kumpulan Wang Kebajikan koperasi ini mengalami kesulitan kewangan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktiviti-nya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula.
- ii. Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulan Wang Kebajikan koperasi ini.
- Makluman 11
Kepada
Mesyuarat
Agung
- Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang Kebajikan ini serta membuat cadangan-cadangan bagi mengimprovasikannya.
- Pertikaian 12
- Jika terdapat isu yang berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-Undang Kecil koperasi ini.


Aturan Kumpulan Wang Kebajikan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Perwakilan pada 23 Jun 2013 bertempat di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.



HAJI MUSLIM BIN JONID
Pengerusi



NGATANAN BIN SARMAN
Setiausaha



HAJI ABDUL RASHID BIN ARIS
Bendahari